

Wang tunia RM2.1 juta disita

13 Januari 2018

Lapan ahli sindiket diberkas, dadah pelbagai jenis bernilai RM721,000 dirampas

Wang tunai RM2.1 juta disita

Oleh NOOR SYAHIDATOOL AQMA MOHD. NOOR

KUALA LUMPUR — Polis berjaya membongkar satu sindiket pengedaran dadah selepas menahan lapan individu termasuk seorang anggota polis dalam enam serbuan berasangan di sekitar Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Johor pada Rabu dan Khamis lalu.

Dalam serbuan bermula pukul 11 malam itu, polis turut menyita wang tunai berjumlah RM2.1 juta, lapan buah kenderaan mewah, lima utas jam tangan, barang keemasan dan wang asing berjumlah RM7,500.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, lapan individu yang ditahan itu merupakan warga tempatan terdiri daripada tujuh lelaki dan seorang wanita berusia antara 32 hingga 58 tahun.

Katanya, serbuan itu juga berjaya merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM721,000 selain 50 butir peluru 9mm.

"Enam serbuan ini dilakukan di sekitar Bandar Baru Sri Petaling, Pandan Perdana, Taman Setiawangsa dan Setapak

di Kuala Lumpur, Taman Bukit Kaya di Negeri Sembilan dan Taman Perdana di Muar, Johor.

"Hasil enam serbuan itu, kita merampas 10.36 kilogram dadah jenis syabu, ketamin dan ganja selain merampas 10 biji pil erimin 5, 42 biji pil ekstasi dan 50 butir peluru 9mm," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, pihaknya turut menyita wang tunai RM2.1 juta dipercayai hasil penjualan dadah selain lapan buah kenderaan iaitu jenis Mercedes-Benz SLK200, Mercedes-Benz Kompressor, Proton Perdana, Perodua Myvi, Nazaria, Nissan X-Trail, Honda CRV dan Austin Morris Mini.

Mohamad berkata, kesemua dadah yang dirampas itu dipercayai boleh menampung bekalan seramai kira-kira 51,810 penagih.

"Anggota polis berusia lingkungan 30-an yang ditahan itu dipercayai menjadi orang perantara selain menjalankan aktiviti mengedar dadah secara kecil-kecilan," katanya.



MOHAMAD (dua dari kanan) menunjukkan antara dadah dan wang tunai yang dirampas pada sidang akhbar di Balai Polis Traves, Kuala Lumpur semalam.